



جابتن كحاکيمن شرعية ملیسيا

KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Department Of Syariah Judiciary Malaysia
Aras 7, Blok C, Kompleks Islam Putrajaya
No. 20, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3
62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

PERBICARAAN

Tel : 603-8870 9300
Faks : 603-8870 9316
Portal Rasmi : www.jksm.gov.my
E-mel : naim1@esyariah.gov.my

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD.6(67)
Takwim : 8 Jamadilakhir 1443H
Tarikh : 11 Januari 2022

YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-negeri

ARAHAN AMALAN NO. 2 TAHUN 2021

GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING KES MAL DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahkan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia pada 19 – 20 Rabiulawal 1443H bersamaan 26 – 27 Oktober 2021 di Swiss Garden Beach Resort, Kuantan, Pahang Darul Makmur yang telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahkan Amalan berhubung Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh seperti di lampiran.

Arahkan Amalan ini hendaklah berkuat kuasa serta merta.

DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
Ketua Hakim Syarie/ Ketua Pengarah
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
PUTRAJAYA

**GARIS PANDUAN PENGENDALIAN PROSIDING KES MAL
DI MAHKAMAH SYARIAH MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI
JARAK JAUH**

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Garis Panduan ini bolehlah dinamakan Garis Panduan Pengendalian Prosiding Kes Mal di Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh dan terpakai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri (JKSN/ MSN) dan selepas ini disebut sebagai “Garis Panduan”.

(2) Garis Panduan ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Ketua Hakim Syarie.

Tafsiran

2. Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta Pentadbiran” ertinya Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [*Akta 505*];

“Akta Tatacara Mal” ertinya Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998 [*Akta 585*];

“hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang secara teknologi komunikasi jarak jauh;

“Hakim” mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan¹;

¹ Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rendah Syariah, mengikut mana-mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 40 Akta Pentadbiran atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan²;

“Pendaftar” mempunyai maksud yang sama yang diberikan di bawah seksyen 3 Akta Tatacara Mal atau mana-mana undang-undang bertulis negeri yang berkenaan³;

“prosiding” ertinya apa-apa prosiding, termasuk prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh, sama ada dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar, dan termasuklah suatu permohonan pada mana-mana peringkat prosiding yang disifatkan telah bermula apabila tindakan difailkan; dan

“teknologi komunikasi jarak jauh” ertinya suatu rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain.

Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

² Seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) 2003, seksyen 3 Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008, seksyen 8 Enakmen Pentadbiran Mahkamah Syariah 1982 (Kelantan), seksyen 43 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, seksyen 42 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 (Pahang), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004, seksyen 44 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 (Perlis), seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah 2004 (Sabah), seksyen 3 Ordinan Mahkamah Syariah 2001 (Sarawak), seksyen 55 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 dan seksyen 4 Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

³ Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Pemakaian

3. Garis Panduan ini hendaklah terpakai bagi mana-mana prosiding Mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Arahan oleh Hakim atau Pendaftar

4. (1) Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan apa-apa kausa atau perkara di bawah Garis Panduan ini didengar atau mana-mana prosiding dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Kuasa yang diberikan kepada Hakim atau Pendaftar dalam subaturan (1) boleh dijalankan atas usulnya sendiri atau atas permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak kepada suatu prosiding.

(3) Jika suatu prosiding dibuat di bawah subperenggan (2), Hakim atau Pendaftar boleh memberikan arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu berhubung dengan kausa atau perkara itu.

Kes yang dibenarkan pendengaran

5. Pendengaran secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dibenarkan bagi kes yang dimulakan melalui saman atau permohonan atau bagi mana-mana kes di peringkat rayuan.

Tatacara permohonan

6. (1) Permohonan bagi pengendalian prosiding secara teknologi komunikasi jarak jauh hendaklah dibuat oleh pemohon menggunakan Borang GPJJ1 dan hendaklah difailkan kepada Mahkamah.

(2) Bagi maksud subperenggan (1), pemohon hendaklah membuat salinan Borang GPJJ1 dan salinan borang itu hendaklah disampaikan kepada responden bagi kes itu.

(3) Selepas menerima salinan Borang GPJJ1 itu, responden hendaklah mengisi Borang GPJJ2 bagi menyatakan persetujuan atau bantahan terhadap permohonan itu.

(4) Bagi maksud subperenggan (3), responden hendaklah dalam tempoh tujuh hari dari tarikh salinan Borang GPJJ1 diterima menfailkan Borang GPJJ2 kepada Mahkamah dan salinan Borang GPJJ2 itu hendaklah disampaikan kepada pemohon.

(5) Mahkamah hendaklah, setelah mempertimbangkan permohonan yang dibuat di bawah Garis Panduan ini, mengeluarkan perintah yang sewajarnya dan suatu notis mengikut Borang GPJJ3 hendaklah dikeluarkan.

Tempat prosiding

7. (1) Tempat prosiding hendaklah di bawah bidang kuasa Mahkamah yang menjalankan prosiding itu.

(2) Bagi maksud Garis Panduan ini, Hakim hendaklah mengendalikan prosiding di suatu tempat rasmi menurut bidang kuasa Mahkamah itu, dan kehadiran pihak-pihak melalui teknologi komunikasi jarak jauh, hendaklah dengan berada di lokasi yang ditetapkan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah sepertimana dalam perintah Borang GPJJ3.

Kehadiran pihak-pihak atau saksi melalui teknologi telekomunikasi jarak jauh

8. (1) Bagi maksud perenggan 7, berhubung dengan kehadiran mana-mana pihak, saksi atau banduan dalam mana-mana prosiding, Hakim atau Pendaftar boleh setelah berpuas hati bahawa semua syarat yang dinyatakan dalam subaturan (2) dipenuhi, mengarahkan pihak-pihak atau saksi—

(a) untuk hadir (selain memberikan keterangan), dalam prosiding itu, secara teknologi komunikasi jarak jauh; atau

(b) untuk memberikan keterangan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Syarat yang disebut dalam subperenggan (1) adalah seperti berikut:

(a) dalam hal kehadiran pihak-pihak atau saksi, semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;

(b) dalam hal seorang banduan sebagai saksi atau pihak, untuk hadir atau memberikan keterangan semasa tempoh yang dinyatakan dan daripada suatu tempat yang dinyatakan oleh Hakim atau Pendaftar menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, dengan syarat bahawa—

(i) dia seorang saksi atau suatu pihak; dan

(ii) pihak-pihak dan Pegawai yang Menjaga yang disebut di bawah Akta Penjara [*Akta 537*] bersetuju untuk menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh;

dan

(c) Hakim atau Pendaftar berpuas hati bahawa terdapat kemudahan pentadbiran dan teknikal yang mencukupi dan pengaturan dibuat di tempat yang pihak-pihak, saksi atau banduan sebagai saksi akan hadir atau memberikan keterangan.

(3) Kehadiran dan keterangan yang diberikan melalui teknologi komunikasi jarak jauh dalam mana-mana prosiding mengikut arahan Hakim atau Pendaftar di bawah subperenggan (1) boleh dikira sebagai kehadiran dan keterangan yang diberikan secara sendiri dalam prosiding itu dan menjadi sebahagian daripada rekod prosiding bagi Hakim itu atau di hadapan Pendaftar.

Penyiaran awam prosiding dan rakaman

9. (1) Sekiranya Hakim atau Pendaftar mengarahkan bahawa prosiding hendaklah dijalankan sepenuhnya melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, Hakim atau Pendaftar boleh mengarahkan bahawa—

(a) prosiding itu hendaklah disiarkan (mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan) bagi maksud membolehkan orang awam melihat dan mendengar prosiding itu; atau

(b) suatu rakaman prosiding itu dibuat (mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan) bagi maksud membolehkan Hakim atau Pendaftar untuk menyimpan rekod audio-visual prosiding itu.

(2) Apa-apa rakaman prosiding yang dibuat oleh Mahkamah di bawah Garis Panduan ini hendaklah disifatkan sebagai rekod rasmi Mahkamah.

(3) Suatu arahan di bawah Garis Panduan ini boleh dibuat yang berhubungan dengan keseluruhan atau sebahagian prosiding yang berkenaan.

Kuasa untuk membatalkan arahan

10. Hakim atau Pendaftar boleh membatalkan, menggantung atau mengubah arahan yang dibuat di bawah perenggan 4 sekiranya—

(a) teknologi komunikasi jarak jauh itu berhenti berfungsi dan ia akan menyebabkan kelewatan yang tidak munasabah untuk menunggu sehingga sistem berfungsi semula;

(b) Hakim atau Pendaftar berpendapat bahawa prosiding yang dijalankan tidak mendatangkan keadilan;

(c) telah berlakunya suatu perubahan material dalam hal keadaan selepas Hakim atau Pendaftar telah membuat sesuatu perintah; atau

(d) ia perlu demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian.

Penghakiman

11. (1) Seksyen 130 dan 135 Akta Tatacara Mal⁴ hendaklah terpakai kepada setiap penghakiman atau perintah yang diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.

(2) Jika penghakiman atau perintah diumumkan atau diberikan dalam prosiding yang diadakan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh, fakta itu hendaklah dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu.

(3) Apa-apa penghakiman atau perintah yang diumumkan melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh dengan kehadiran pihak-pihak hendaklah disifatkan diterima oleh pihak-pihak secara sendiri.

(4) Walau apapun Garis Panduan ini, penghakiman atau perintah boleh disampaikan melalui apa-apa cara lain yang dipersetujui oleh pihak-pihak.

⁴ Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Johor) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah 2002 (Kelantan), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Pahang) 2002, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perak) 2004, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perlis) 2006, Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Sabah) 2004, Ordinan Tatacara Mal Syariah 2001 (Sarawak), Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Enakmen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001.

Borang GPJJ1
[Subperenggan 6(1)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH
SYARIAH
DI
PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....

ANTARA

.....
(K/P:..... PEMOHON
DENGAN

.....
(K/P:..... RESPONDEN

**PERMOHONAN MENJALANKAN PROSIDING MAHKAMAH
MELALUI TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

1. Saya No. K/P
adalah pemohon dalam kes ini.

2. Saya memohon kepada Mahkamah agar prosiding kes ini dijalankan
melalui teknologi komunikasi jarak jauh kerana:

2.1.....
.....

2.2.....
.....

3. Saya memohon kepada Mahkamah untuk berada di lokasi
ketika prosiding kes ini dijalankan.

Bertarikh:

.....
Pemohon

Borang GPJJ2
[Subperenggan 6(3)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH
SYARIAH
DI
PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....

ANTARA

.....
(K/P:.....PEMOHON
DENGAN

.....
(K/P:.....RESPONDEN

**PERSETUJUAN/ BANTAHAN KEPADA PERMOHONAN
MENJALANKAN PROSIDING MAHKAMAH MELALUI
TEKNOLOGI KOMUNIKASI JARAK JAUH**

1. Saya.....No. K/P adalah
responden dalam kes ini.

2. Saya dengan ini menyatakan persetujuan/ bantahan terhadap permohonan
ini atas alasan-alasan berikut:

2.1.....

2.2.....

3. Saya memohon kepada Mahkamah untuk berada di
lokasi.....ketika prosiding kes ini dijalankan.

Bertarikh:

.....
Responden

Borang GPJJ3
[Subperenggan 6(5)]

DALAM MAHKAMAH RAYUAN/ TINGGI/ RENDAH
SYARIAH
DI
PERMOHONAN NO:..... TAHUN 20.....
ANTARA
.....
(K/P:..... PEMOHON
DENGAN
.....
(K/P:..... RESPONDEN

**PERINTAH PERMOHONAN PROSIDING MELALUI TEKNOLOGI
KOMUNIKASI JARAK JAUH**

AMBIL PERHATIAN bahawa pihak pemohon telah membuat permohonan bagi menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

SETELAH meneliti permohonan pemohon dan persetujuan/ bantahan responden, Mahkamah memerintahkan permohonan ini dibenarkan/ ditolak.

1. Plaintiff/ Pemohon hendaklah berada di (lokasi)
2. Defendan/ Responden hendaklah berada di (lokasi)
3. (nama saksi) hendaklah berada di (lokasi)

NOTIS INI DIKELUARKAN di bawah tandatangan dan meterai Mahkamah pada

Meterai

.....
Hakim/Pendaftar